



KUALA LUMPUR ARCHITECTURE FESTIVAL (KLAF) 2020 DAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA



Pada 15 Februari 2020, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merasmikan *Kuala Lumpur Architecture Festival* (KLAF) 2020 yang turut menganjurkan sambutan Tahun Baru Cina sempena pembukaan festival berkenaan.

KLAF2020 menghimpunkan arkitek, artis, pereka dan ahli akademik dan ia meliputi empat sub tema iaitu:

- *'Beyond Celebration'*
- *'Beyond Green: Wellness'*
- *'Beyond Architecture'* dan
- *'Beyond Imagination.'*

YB Zuraida berkata, KLAF diharapkan akan menyumbang kepada peningkatan mutu penghasilan rekaan rumah yang mampu meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia. Beliau turut melahirkan perasaan gembira beliau dengan idea dan usaha yang telah dijalankan dalam pembangunan bangunan dan kediaman berteras konsep hijau serta berharap agar pihak arkitek dan pemaju perumahan dapat berkerjasama untuk merekabentuk kediaman di masa hadapan.



Penggunaan pendekatan lestari dalam pembinaan hendaklah ditekankan dan ia penting dalam memelihara alam sekitar, namun teknologi yang lestari dan berdaya sihat di perumahan awam juga juga perlu kerana ia dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk. Di majlis yang sama, YB Zuraida turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara PAM dan EPIC bagi “*Home Empowerment Catalogue Initiative*” untuk menyediakan perumahan yang bersesuaian untuk golongan komuniti dan masyarakat luar bandar yang terpinggir.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat